



Vaksinasi tingkat pasaran hartanah

Program pacu pemulihan ekonomi, raih kembali keyakinan pengguna

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Laman web hartanah utama di Malaysia, iProperty.com.my menjangka pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dilaksanakan negara dapat memacu semula pasaran hartanah tempatan tahun ini.

Pengurus Besarinya, Shylendra Nathan, berkata meskipun pemulihan pasaran hartanah tidak sepanjang dijangkakan, PICK tetap menjadi elemen penting yang mendorong pemulihan pasaran pada 2021.

"Program vaksinasi yang sedang berjalan sekarang akan memberikan kelegaan yang diperlukan oleh pasaran hartanah tempatan.

"Negara kita sedang memulakan perjalanan ke arah mencapai imuniti berkelompok, kami menjangkakan keyakinan pengguna terhadap pasaran hartanah kembali meningkat kerana program imunisasi ini," katanya pada taklimat maya pengumuman Analisis Permintaan Portal (Pasaran Hartanah Sewa) 2020, semalam.

Analisis Permintaan Portal (Pasaran Hartanah Sewa) 2020 yang diumumkan iProperty.com.my memberikan gambaran menyeluruh mengenai permintaan terhadap hartanah kediaman sewa menggunakan jumlah kunjungan pengguna.

Analisis itu turut menyediakan data penyenaian hartanah kediaman di Malaysia yang ter-

tumpu di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

Ia merangkumi merangkumi empat jenis hartanah iaitu rumah teres, kondominium, pangsapuri dan apartmen servis.

Mengulas mengenai ini, Shylendra berkata, 2020 menjadi tahun lebih memihak kepada penyewa berbanding pemilik hartanah.

Katanya, kemasukan projek yang telah siap dibina ke dalam pasaran yang sememangnya padat telah memaksa pemilik hartanah untuk mengurangkan sewa bagi bersaing menarik perhatian penyewa.

"Justeru, penyewa kini berada dalam kedudukan lebih baik untuk merundingkan harga dan keadaan ini dapat dilihat daripada sedikit penurunan median harga sewaan dan hasil sewaan.

"Walaupun Kadar Dasar Semalaman (OPR) rendah mengurangkan ansuran pinjaman bulanan untuk pemilik hartanah, penurunan pendapatan sewa lebih besar ketika ini telah mengimbangi kelebihan kos pembiayaan yang lebih rendah," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, hasil analisis berkenaan menunjukkan kebanyakan rakyat Malaysia lebih cenderung untuk menyewa disebabkan impak COVID-19.

Katanya, jumlah pengguna yang berkunjung ke iProperty.com.my pascapandemik semakin meningkat memandangkan ramai beralih kepada platform digital un-



**Program
vaksinasi**

**yang sedang berjalan
sekarang akan
memberikan kelegaan
yang diperlukan
oleh pasaran
hartanah tempatan.**

Shylendra Nathan,
Pengurus Besar iProperty.com.my

tuk mencari hartanah.

"Pada Februari 2021, iProperty.com.my merekodkan jumlah pengunjung bulanan paling tinggi iaitu 10 juta pengunjung berbanding tempoh sama tahun lalu sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

"Selain mencatatkan pertambahan kunjungan tahun ke tahun sebanyak 51 peratus, iProperty.com.my menyaksikan peningkatan jumlah pertanyaan mengenai hartanah menerusi platformnya sebanyak 20.4 peratus," katanya.